

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1999

=====

PERMOHONAN PERMIT RUANG UDARA BAGI
PEMBANGUNAN BERBENTUK STRATA

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 2 Jun 1999 telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor untuk kelulusan permohonan permit ruang udara bagi pembangunan berbentuk strata.

2. Perwakilan kuasa ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat ke 75 Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri pada 14 Mac 1996. Kelulusan Permir Ruang Udara ialah bagi struktur seperti cucur atap (eave). Kajang (awning) dan langkan (balcony) kepada bangunan berbilang tingkat yang terunjur ke atas tanah rizab bagi maksud permohonan hakmilik strata.

3. Memandangkan Permit Ruang Udara berkenaan adalah sebahagian dari proses pecah bahagian bangunan maka dengan adanya perwakilan kuasa ini kelulusan Permit Ruang Udara ini dapat diluluskan secara serentak dengan permohonan hakmilik strata.

4. Perwakilan kuasa ini hanya terbatas kepada permohonan Permit Ruang Udara pembangunan berbentuk strata sahaja manakala permohonan bagi lain-lain bentuk pembangunan adalah mengikut Seksyen 75A Kanun Tanah Negara dimana kuasa kelulusan ialah Pihak Berkuasa Negeri.

5. Mulai dari 2 Jun 1999 semua permohonan permit ruang udara bagi pembangunan berbentuk strata hendaklah dikemukakan terus ke Unit Hakmilik Strata, Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Sekian, terima kasih.

TT

(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 14 Oktober 1999